

18/10/1997

Anwar tuntutan rakyat bersabar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Cadangan dalam Belanjawan 1998 mungkin disusuli dengan langkah tambahan bagi memastikan kemantapan ekonomi makro, terutama dari segi imbangan pembayaran, kadar inflasi dan keutuhan kewangan negara.

Sehubungan itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim menuntut kesabaran dan pengorbanan, kebijaksanaan dan kemunasabahan daripada semua pihak bersedia menghadapi sedikit kepayahan pada tahun mencabar.

Suasana ekonomi yang tidak menentu sekarang, kata Menteri Kewangan, akan berterusan kerana ia bukan saja permasalahan domestik tetapi juga permasalahan serantau. Oleh itu, keberkesanan tindakan kerajaan turut bergantung kepada tindakan negara serantau.

Timbalan Perdana Menteri bagaimanapun memberi jaminan, kerajaan akan menggunakan segala pengalaman dan kebijaksanaan untuk membawa ekonomi keluar daripada kegawatan sekarang.

Malah, kalau semua pihak cekal, kerajaan yakin ekonomi negara akan lebih kukuh, lebih bertenaga pada masa akan datang dan bergerak menuju ekonomi matang.

"Anggaplah yang pahit itu sebagai ubat. Percayalah, kita memiliki daya kekuatan untuk berjaya - asas ekonomi teguh, rakyat bermuafakat dan kerajaan prihatin.

"Sementara kita melaksanakan langkah tegas yang dicadangkan dalam belanjawan ini, kita haruslah bersabar menempuh ujian ini," katanya sambil menambah, belanjawan itu mungkin tidak disenangi kerana tidak menyediakan habuan untuk rakyat dan ada golongan yang akan berasa pahit dengan langkah mengawal kredit dan import.

Anwar berkata, kerajaan berani meramalkan pemulihan yang agak segera terhadap kerumitan ekonomi sekarang kerana yakin asas dan struktur ekonomi tetap mapan dan kukuh.

Kerajaan juga amat yakin keutuhan ekonomi dan kestabilan politik yang terjamin akan terus menjadikan Malaysia sebagai pusat pelaburan asing yang menguntungkan.

Nilai murni yang menjadi amalan masyarakat negara ini menjamin kestabilan politik dan pentadbiran negara, yang menurut Anwar, satu khazanah yang lebih penting daripada kemakmuran itu sendiri kerana melalui kestabilan politiklah, kerajaan berjaya membina kemakmuran negara.

"Di atas semua ini, saya bagi pihak kerajaan, ingin menyampaikan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh rakyat dan golongan termasuk kepada rakan daripada parti pembangkang yang memberikan sokongan padu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Begitupun, kita perlu sentiasa berhati-hati, berwaspada dan mengingatkan diri kita akan wujudnya golongan dari luar atau dalam yang tidak suka melihat rakyat bersatu dan negara stabil.

Mereka ini lazimnya memakai pelbagai topeng, sebentar menyokong, sekejap membentak, sekejap menjelma kemudian menghilang.

"Mereka bergentayangan di kalangan masyarakat, menjadi seperti dedalu api hinggap ke pohon kayu, hinggap ke batang ... batangnya mati, hinggap ke ranting ... rantingnya patah," kata Anwar.

(END)